

SYARAT DAN PERATURAN LELONG ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

- I. Lelongan terbuka kepada semua pembida daripada kalangan staf UMP sahaja dan tertakluk kepada harga simpanan.
- II. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan pegawai pelelong dengan memberikan nama penuh, no. kad Pengenalan dan alamat pembida kepada Pegawai Pelelong semasa pendaftaran lelongan dibuka iaitu mulai 13hb Februari 2018 hingga tarikh tutup 19hb Februari 2018 Jam 12.00 tengahari.
- III. Pembida yang berminat menyertai lelongan perlu membuat bayaran deposit lelong sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksima RM1,000 secara debit kad/Kredit kad sahaja selewat-lewatnya pada tarikh tutup pendaftaran lelongan.
- IV. Pembida layak mendaftar melebihi satu Lot Lelongan, walaubagaimanapun pembida yang telah berjaya dalam lelongan terdahulu tidak dibenarkan berada pada Lot Lelongan seterusnya. Deposit bagi baki Lot Lelongan berdaftar yang berkenaan akan dikembalikan. Pembida yang tidak berjaya pada Lot Lelongan terdahulu masih layak membida Lot Lelongan berdaftar seterusnya.
- V. Pembida yang mendaftar Lot Lelongan boleh menghan tar wakil sekiranya tidak dapat hadir semasa sesi Lelongan diadakan. Hanya seorang wakil yang didaftarkan sahaja dibenarkan semasa sesi lelongan. Kelayakan wakil juga adalah tertakluk sepertimana pada perkara IV.
- VI. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada sebarang perselisihan yang berbangkit mengenai penawaran yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
- VII. Universiti berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
- VIII. Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*) dan pembida hendaklah berpuas hati dengan aset tersebut sebelum menyertai tawaran.
- IX. Universiti tidak menjamin mutu, kualiti, dan butir-butir mengenai aset tersebut dan tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.



- X. Semua pembelanjaan bagi mengangkut aset hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
- XI. Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, kad pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan.
- XII. Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat pemberitahuan tawaran lelong berjaya. Jika pembida gagal berbuat demikian deposit lelong akan dilucuthak kepada pihak universiti.
- XIII. Pembida yang berjaya dan telah membuat bayaran penuh hendaknya mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bayaran dibuat. Jika pembida gagal berbuat demikian Universiti berhak untuk melupuskannya tanpa notis.
- XIV. Deposit lelong bagi pembida-pembida yang tidak berjaya akan dikembalikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh lelongan dibuat.
- XV. Deposit lelong bagi pembida yang berjaya akan dikembalikan sekiranya bayaran penuh harga lelongan telah dijelaskan dan pertukaran nama pada kad pendaftaran telah selesai. Salinan bukti pertukaran nama pada kad pendaftaran perlu dilampirkan bagi pemulangan deposit.
- XVI. Deposit pembida tidak akan dipulang jika pembida gagal hadir atau tanpa menghantar wakil yang sah.
- XVII. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan.

